



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED PERKASA KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN REFORMASI PERKHIDMATAN BANDAR

PUTRAJAYA, 4 Februari 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus komited dalam memacu kesejahteraan rakyat melalui pemantapan agenda perumahan mampu milik, transformasi pendigitalan perkhidmatan dan pengukuhan kesiapsiagaan kecemasan. Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming dalam menggulung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Kelima, Parlimen Kelima Belas yang turut menggariskan hala tuju strategik kementerian bagi mendepani cabaran urbanisasi masa kini.

Sepanjang tahun 2025, KPKT telah menempa pelbagai pencapaian cemerlang yang menjadi bukti keberkesanan tadbir urus kementerian dalam memenuhi aspirasi rakyat. Antara kejayaan utama yang direkodkan adalah:

- i. **Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM)** : Berjaya melepasi sasaran dengan menyediakan 511,544 unit (102.3%) RMM daripada 500,000 unit yang ditetapkan di bawah RMK12 di seluruh negara.
- ii. **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** : Mencatatkan prestasi luar biasa sebanyak 175% iaitu 26,260 unit berbanding sasaran asal 15,000 unit dengan penglibatan peruntukan sebanyak RM2.13 bilion.
- iii. **Pemulihan Projek Sakit** : Melalui Pasukan Petugas TFST, sebanyak 1,114 projek perumahan swasta berjaya diselesaikan, sekali gus menyelamatkan 138,510 unit kediaman dengan nilai GDV berjumlah RM85.45 bilion.
- iv. **Taman Rekreasi MADANI (TRM)** : Melepasi sasaran dengan pembinaan 216 buah taman berbanding sasaran awal 200 buah taman bagi tempoh 2024-2025 untuk manfaat rekreasi rakyat.
- v. **Lif MADANI 2.0**: RM88.1 juta diperuntukkan bagi menyelenggara dan menggantikan 204 unit lif di 109 projek perumahan awam demi keselamatan penduduk.
- vi. **Inisiatif MyKiosk** : Sebanyak 7,243 unit MyKiosk telah dibina dalam tempoh dua tahun dengan peruntukan RM150 juta bagi memperkasa sosio-ekonomi 7,000 keluarga peniaga kecil.
- vii. **Tandas Awam BMW** : Standard kebersihan negara ditingkatkan melalui naik taraf 11,397 tandas awam ke tahap 'BMW' (Bersih, Menawan, Wangi) melibatkan peruntukan RM800 juta.

- viii. **Kelestarian Alam Sekitar:** SWCorp berjaya menutup 3,634 tapak sampah haram, selain mencipta dua rekod MBOR menerusi Hari Cuci Malaysia 2025 yang melibatkan penyertaan 100,817 sukarelawan.
- ix. **Ekonomi Kitaran:** Pelancaran Blueprint Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (2025-2035) serta pengoperasian loji *Waste-to-Energy* (WtE) pertama di Port Dickson sebagai langkah transformasi pengurusan sisa negara.

KPKT juga telah memperkenalkan sistem “lampu isyarat” pada tahun ini bagi menilai prestasi pengisian dan pengoperasian MyKiosk oleh 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dengan lebih efektif. Pihak KPKT akan meluluskan peruntukan tambahan bagi PBT yang memperoleh lampu hijau manakala PBT yang mendapat lampu merah akan dikurangkan peruntukan atau ditarik balik peruntukan. KPKT akan terus bekerjasama dengan PBT untuk mengenal pasti masalah dan mencari solusi bagi memastikan projek MYKiosk dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

Pada tahun 2023, sebanyak 34 projek PR1MA telah dikenal pasti sebagai projek ‘sakit’ di seluruh negara. Hasil komitmen tinggi serta tindakan strategik oleh KPKT bersama Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), kesemua projek tersebut telah berjaya dipulihkan dan disiapkan sepenuhnya. Setakat 4 Februari 2026, projek PR1MA di Bukit Katil, Melaka merupakan projek terakhir yang mencapai status lengkap dan telah memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

KPKT telah memperkenalkan inisiatif perumahan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sebanyak RM40 bilion dan membantu seramai 170,850 pembeli rumah. Skim ini memberi kemudahan pinjaman tambahan 20 peratus bagi tujuan renovasi dan pembelian perabot rumah. Bagi tahun 2026, KPKT mensasarkan 100,000 pembeli rumah menggunakan SJKP.

Secara keseluruhannya, pembentangan hala tuju KPKT di Parlimen hari ini mencerminkan tekad berterusan kementerian untuk meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan melalui transformasi penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan inklusif. KPKT kekal komited untuk merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI menerusi ekosistem perumahan dan perkhidmatan bandar yang lebih progresif serta berdaya saing.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T

